

# PERSEPSI DAN STRATEGI PELAJAR BUKAN ARAB TERHADAP PENGUNAAN NOVEL DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Nursafira Lubis SAFIAN\*<sup>1</sup>  
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan ASHARI<sup>2</sup>  
Nik Hanan MUSTAPHA<sup>3</sup>

<sup>1,3</sup> Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>nursafira@iium.edu.my\*

<sup>2</sup>mozaha@ukm.edu.my

<sup>3</sup>hanan@iium.edu.my

*Manuscript received 17 November 2021*

*Manuscript accepted 17 June 2022*

*\*Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.4188.2022>

## ABSTRAK

Novel Arab merupakan sumber yang boleh dimanfaatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab. Walau bagaimanapun, novel jarang ditampilkan sebagai bahan bantu mengajar bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Arab kecuali untuk pengkhususan Pengajian Kesusasteraan Arab. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar bukan Arab terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini turut meninjau strategi yang digunakan oleh pelajar ketika menggunakan novel semasa mempelajari bahasa Arab. Kajian kualitatif ini melibatkan temu bual dengan sepuluh orang pelajar yang mempelajari kursus Teks Prosa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dapatan kajian yang dianalisis secara tematik menunjukkan persepsi pelajar yang positif terhadap penggunaan novel Arab dari segi penguasaan kosa kata, gaya bahasa dan kemahiran bahasa. Selain itu, terdapat juga respons yang negatif dari sudut kekurangan motivasi, ketiadaan minat dan kekurangan pendedahan tentang novel Arab. Namun demikian, kepelbagaian strategi yang digunakan mampu memberikan kesedaran pelajar tentang kepentingan dan kelebihan novel Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Beberapa cadangan dikemukakan bagi mengintegrasikan kesusasteraan dengan

linguistik agar pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih berkesan dan berpusatkan pelajar menerusi pendekatan baharu.

**Kata kunci:** Pembelajaran bahasa Arab; kemahiran bahasa; novel; persepsi pelajar; strategi pembelajaran bahasa

### **ABSTRACT**

Arabic novels is one of the resources that can be utilised in the teaching and learning of Arabic. However, they are rarely used as a teaching aid to improve the proficiency of non-native students except for those majoring in Arabic literature specialisation. This study examined how non-native Arabic students perceive the use of novels in Arabic language learning. It also explores strategies employed by students when using novels for Arabic language learning. This qualitative study involves interviews with ten students studying Arabic Prose Texts at the International Islamic University of Malaysia. The data, which were analysed thematically showed that students were positive about the use of Arabic novels in terms of vocabulary, language structure and skills. Apart from that, there were also negative responses in terms of low motivation, lack of interest and minimal exposure to Arabic novels. However, the variety of strategies used was able to raise students' awareness of the importance and benefits of Arabic novels in Arabic language learning. Several suggestions are made for integrating literature and linguistics to make Arabic language learning more effective and student-centred through this new approach.

**Keywords:** Arabic language learning; language skills; novel; learners' perception; language learning strategies

### **Pengenalan**

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada hari ini ini bukan suatu perkara asing memandangkan pembelajaran bahasa tersebut telah wujud pada setiap peringkat pengajian, bermula dari peringkat sekolah hingga universiti. Jika pada waktu dahulu bahasa Arab hanya dipelajari oleh pelajar di sekolah agama atau pondok, hari ini pembelajaran bahasa tersebut telah berkembang di institusi pendidikan lain, termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan universiti (Zaini et al., 2019). Malah, wujud pembelajaran bahasa Arab yang melibatkan orang ramai, khususnya yang berkaitan dengan tujuan tertentu, seperti kefahaman dalam beribadah atau komunikasi semasa berada di Tanah Suci. Namun demikian, peranan bahasa Arab tidak terbatas sebagai bahasa agama semata-mata. Pada peringkat global, bahasa Arab turut berperanan dalam konteks pendidikan, kebudayaan dan komunikasi (Zakaria et al., 2015).

Hampir setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia menawarkan bahasa Arab sebagai kursus bahasa asing bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan program yang ditawarkan, terutamanya pada peringkat prasiswazah. Terdapat juga beberapa universiti yang menawarkan program khusus bahasa Arab pada peringkat prasiswazah. Dengan erti kata lain, pelajar yang mengikuti program berkenaan akan mempelajari semua subdisiplin bahasa Arab, yang mencakup linguistik dan kesusasteraan, sepanjang tempoh pengajian mereka pada peringkat prasiswazah. Amalan dan bentuk program seperti ini dapat dilihat di universiti-universiti Malaysia yang mempunyai jabatan atau pusat kajian yang mengkhusus kepada bidang bahasa dan sastera Arab.

Memandangkan program bahasa Arab di Malaysia ditawarkan kepada pelajar bukan penutur jati bahasa tersebut, tenaga pengajar yang terlibat perlu sentiasa berusaha untuk melaksanakan pempelbagaian kaedah pembelajaran agar bahasa Arab dapat dipelajari dengan lebih berkesan. Secara umumnya, persekitaran di Malaysia yang kurang membantu para pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan berkesan menjadi faktor mengapa kaedah yang sesuai perlu diterapkan dalam proses pembelajaran. Kaedah yang lebih interaktif dan kontemporari seperti penggunaan teknologi laman web dan gajet dapat meningkatkan minat masyarakat terhadap bahasa Arab (Asbullah, et al., 2020; Ghani, et al., 2019; Sahrir, 2015). Justeru, kebijaksanaan guru dalam pempelbagaikan penggunaan kaedah dapat memastikan pembelajaran bahasa Arab terus segar dan tidak membosankan.

Strategi pembelajaran bahasa yang diamalkan oleh pelajar turut mendorong penguasaan bahasa Arab. Strategi pembelajaran bahasa merupakan tindakan khusus oleh para pelajar bagi menjadikan pembelajaran bahasa itu lebih mudah, menyeronokkan, lebih sendiri dan berkesan agar mereka berupaya untuk berpindah ke suasana baharu (Oxford, 1990). Kajian tentang pembelajaran bahasa Arab di Malaysia menunjukkan pelajar bahasa Arab yang cemerlang menggunakan banyak strategi semasa mempelajari bahasa tersebut (Samah et al., 2016; Teh et al., 2009).

Antara strategi yang dikenal pasti dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab ialah penggunaan novel memandangkan novel tergolong dalam kelompok bahan bacaan, seperti surat khabar dan majalah. Malah, penggunaan novel turut dimanfaatkan dalam pembelajaran bahasa Arab (al-Omari, 2018; Baharudin, 2017). Novel wajar digunakan sebagai material pembelajaran bahasa Arab kerana ia mengandungi kosa kata selain mewakili kesusasteraan Arab yang mampu memberikan gambaran kepada pembacanya untuk memahami pemikiran dan kebudayaan masyarakat berkenaan. Justeru, adalah tidak menghairankan apabila bahan sastera Arab seperti puisi dan prosa, digunakan sebagai bahan pengajaran bahasa Arab pada peringkat awal zaman moden di Eropah (Loop, 2017). Sifat bahan-bahan kesusasteraan Arab, termasuk novel, yang kaya dengan kosa kata serta menggambarkan pemikiran masyarakat jelas mengukuhkan kewajaran penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

### Tinjauan Persuratan

Penggunaan material sastera dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa telah mencetuskan perdebatan yang hangat antara dua aliran yang menyokong dan menentang penggunaan tersebut. Paran (2008) dalam makalahnya telah memuatkan pertembungan wacana tersebut. Pihak yang menentang seperti Edmondson (1997) menghujahkan bahawa kedudukan sastera dalam PdP bahasa adalah tidak signifikan sama sekali. Pendekatan PdP yang berorientasikan guru (*teacher-centred approach*) secara umumnya tidak menjadikan kesusasteraan sebagai material berguna dalam memahami bahasa. Beliau mencadangkan agar budaya diberikan lebih perhatian dalam mempelajari bahasa berbanding dengan kesusasteraan. Dalam mendepani falasi Edmondson (1997) ini, Paran (2008) turut membawakan hujah Shanahan (1997) yang menyokong penggunaan sastera dalam PdP bahasa. Beliau berpendapat bahawa material sastera ini sewajarnya diintegrasikan dalam PdP bahasa memandangkan sastera merupakan sumber utama yang boleh diteroka dalam memahami elemen dalam PdP bahasa, sekali gus mengetahui simbolik sesuatu ekspresi menerusi gaya bahasa. Paran (2008) seterusnya menyimpulkan bahawa kesusasteraan sangat memberikan manfaat dalam PdP bahasa. Namun, beliau turut menggesa agar kajian empirikal terus dilakukan dengan pemerhatian terhadap situasi yang berlaku dalam kelas PdP bahasa dan sastera. Berdasarkan pemerhatian berkenaan, suatu data akan dapat dianalisis bagi membentuk penilaian kursus yang sistematik dan sesuai dengan tahap pelajar.

Kajian tentang pandangan pelajar terhadap penggunaan elemen kesusasteraan dalam PdP bahasa turut dibincangkan oleh Bloemert et al. (2017). Dengan menggunakan sastera bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran bahasa, kajian ini merumuskan bahawa perspektif pelajar terhadap penggunaan bahan kesusasteraan dalam PdP bahasa adalah berbeza antara satu sama lain berdasarkan pendekatan, pengisian dan teks yang digunakan. Namun begitu, perbezaan perspektif ini tidak menafikan pandangan hampir keseluruhan responden yang bersetuju bahawa komponen sastera berupaya menjadi medium untuk memperbaiki kemahiran berbahasa masing-masing. Tambahan pula, langkah mengintegrasikan sastera dalam PdP bahasa harus dipertimbangkan memandangkan sastera merupakan sumber utama kepada sesuatu bahasa.

Persepsi pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran bahasa Arab wajar diberikan perhatian. Nasir et al. (2017) menyimpulkan bahawa persepsi positif pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran bahasa Arab bergantung pada proses pengajaran dan pembelajaran yang ditambah baik dengan keperluan pelajar. Pendedahan yang diberikan oleh para guru tentang tujuan mempelajari bahasa Arab dan metode PdP yang menarik berupaya menangkis persepsi awal mereka yang dilihat negatif ketika mula mempelajari bahasa Arab. Bagi memastikan kerelevanan PdP Bahasa Arab, penulis menekankan keperluan dalam meneroka pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan khusus dengan penglibatan kedua-dua pihak, iaitu pengajar dan pelajar. Pengajar wajar memberikan input terbaik dan menggunakan pendekatan yang sesuai ketika mengajar

sementara pelajar pula mesti berusaha dan membuktikan kesungguhan dalam menguasai bahasa Arab. Dapatan tersebut menegaskan bahawa pembelajaran bahasa Arab memerlukan pendekatan yang menarik dalam membentuk persepsi positif pelajar terhadap bahasa Arab.

Justeru, antara pendekatan yang digunakan ialah pemanfaatan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. al-Dajani (2019) menegaskan bahawa pembelajaran bahasa Arab tidak sepatutnya terhad pada kemahiran bahasa. Malah pembelajaran bahasa berkenaan merangkumi pengetahuan sastera Arab memandangkan sastera dianggap sebagai jiwa kepada sesuatu bahasa berdasarkan beberapa contoh novel Arab seperti *ʿUsfur min al-Sharq* karya Tawfiq al-Hakim, *Qindil Ummi Hashim* karya Yahya Haqqi, *Mawsim al-Hijrah ila al-Shamal* karya al-Tayyeb Salih, *Sharaf* karya San'allah Ibrahim dan *Bab al-Shams* karya Ilyas Khawri. Novel-novel tersebut amat sesuai digunakan dalam PdP Bahasa Arab, khususnya dalam konteks linguistik dan kefahaman dialog. Selain itu, sastera Arab juga membantu pelajar memahami perkembangan sejarah dan kebudayaan Arab itu sendiri, termasuk dialek dan cara hidup. Bagaimanapun, al-Dajani mencadangkan agar bahan kesusasteraan dalam PdP Bahasa Arab digunakan berdasarkan peringkat keupayaan pelajar. Justeru, novel dianggap sesuai untuk pelajar pada peringkat pertengahan dan lanjutan memandangkan mereka sudah memiliki tahap penguasaan kosa kata yang baik.

Novel telah digunakan sebagai satu strategi dalam pembelajaran bahasa Arab. Baharudin (2017) telah memilih novel berbahasa Arab berjudul *Mughamarat Tom Sawyer* dalam mengimplementasikan Strategi Pembelajaran Terjemahan bagi pelajar universiti. Walaupun dapatan secara umumnya menunjukkan tahap penggunaan strategi terjemahan yang sederhana, penggunaan novel dalam kajian ini membuktikan bahawa novel sesuai dimanfaatkan untuk keberkesanan PdP Bahasa Arab. Meskipun demikian, timbul persoalan apakah novel berbahasa Arab mendapat perhatian dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa tersebut? Apakah novel kerap dijadikan pilihan bagi pelajar ketika meneroka bahan bacaan berbahasa Arab? Berdasarkan kekuatan yang ada pada novel sebagai sumber bahasa, sewajarnya novel dijadikan pilihan utama para pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan sebaik mungkin.

Namun, dapatan yang diperoleh dalam beberapa kajian lepas menunjukkan sebaliknya. Radzi et al. (2017) melakukan kajian terhadap 543 orang pelajar beberapa universiti awam di Malaysia terhadap pemilihan bahan bacaan Arab menggunakan instrumen Ujian Inventori Minat. Dapatan menunjukkan bahawa tiga bidang bacaan yang sangat diminati ialah agama, pendidikan dan makanan. Novel, yang terangkum dalam bidang sastera, tidak menjadi pilihan utama sebagai bahan bacaan bahasa Arab.

Dapatan berkenaan dilihat selari dengan dapatan yang ditemukan oleh Mohamad dan Sulong (2016). Kajian yang dijalankan terhadap 130 orang pelajar universiti awam menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak berminat untuk membaca novel berbahasa Arab (86.1%) walaupun mereka mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab, khususnya dalam aspek nahu, saraf dan linguistik. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan keadaan yang tidak selari antara minat terhadap bahasa Arab dengan pengkhususan, serta sikap yang kurang serius dalam mempelajari

bahasa ini. Kajian ini merumuskan bahawa keadaan sedemikian akan menjadi halangan kepada pelajar untuk menguasai bahasa Arab pada tahap yang baik.

Kajian yang lebih awal tentang sikap membaca bahan-bahan bahasa Arab menjadi asas kepada dapatan di atas. Kajian Mustapha et al. (2010) terhadap 170 orang pelajar Melayu pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menunjukkan bahawa mereka membaca buku rujukan bahasa Arab hampir setiap hari (22%). Namun, novel tidak menjadi bacaan harian mereka (1.2%). Bahkan lebih separuh responden (55.3%) tidak pernah membaca novel. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa novel Arab tidak menjadi pilihan utama bagi para pelajar sebagai bahan bacaan. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk faktor sendiri dan persekitaran. Kelemahan dalam memahami teks, kurangnya keyakinan diri pelajar, ketiadaan minat terhadap sastera, kesukaran mendapatkan novel yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa, kekurangan pengetahuan tentang novel, penggunaan novel yang tidak kerap dalam pengajaran dan pembelajaran serta fungsi tenaga pengajar merupakan antara faktor yang menyumbang kepada sikap dingin pelajar terhadap penggunaan novel berbahasa Arab.

Sikap para pelajar, khususnya bukan penutur jati bahasa Arab, terhadap novel Arab ini tidak menghairankan walaupun mereka meminati bahasa Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana para pelajar sering menghadapi kesukaran dalam memahami teks Arab akibat kurangnya usaha dalam memilih teks yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa (Noh et al., 2015). Kekangan ini akhirnya memberikan kesan terhadap motivasi pelajar sekali gus menjejaskan minat pelajar terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, pemilihan novel yang sesuai merupakan antara syarat utama bagi keberkesanan penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Babae dan Yahya (2014) yang berpandangan bahawa kesusasteraan memainkan peranan yang signifikan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa. Ini memandangkan penggunaan elemen kesusasteraan sangat bermanfaat dalam menguasai kemahiran bahasa, termasuk menulis, membaca, mendengar dan berkomunikasi. Malah, kesusasteraan turut membantu pelajar memahami beberapa komponen bahasa seperti tatabahasa, kosa kata dan kaedah sebutan. Dalam penulisan tersebut, penulis turut menegaskan bahawa penggunaan bahan kesusasteraan seperti novel dalam pengajaran bahasa sangat bermanfaat. Hal tersebut didorong oleh ciri novel yang memiliki sumber dan kekuatan dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran sekali gus memperkaya kefahaman pelajar terhadap struktur budaya dan cara hidup masyarakat.

Kenyataan tersebut turut disokong oleh al-Dajani (2019) dan Tsang et al. (2020). Al-Dajani menghujahkan bahawa pembelajaran bahasa menerusi material sastera

merupakan suatu cara yang menyeronokkan kerana sastera disifatkan sebagai tiang kepada bahasa dan cermin kepada sosiobudaya masyarakat. Dalam konteks bahasa Arab, al-Dajani melihat penggunaan material sastera seperti novel dalam pembelajaran bahasa mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami sesuatu isu secara lebih makro merangkum politik, ekonomi, sosial, agama, warisan, budaya dan kemanusiaan. Perbincangan hal-hal sedemikian secara tidak langsung merangsang minda pelajar untuk memahami sesuatu isu dalam bahasa dengan lebih mudah dan tepat. Tsang et al. (2020) pula menghujahkan bahawa penggunaan material sastera seperti cerpen amat membantu pelajar di Hong Kong dalam mempelajari bahasa Inggeris. Tambahan pula, beliau turut mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan dengan memilih novel sebagai material kajian bagi mengukur persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Berasaskan kenyataan para pengkaji di atas, kajian ini berusaha untuk mengadaptasikan cadangan tersebut dengan melihat pula persepsi pelajar bukan Arab terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan menganalisis strategi yang dipraktikkan oleh pelajar semasa menggunakan novel dalam pembelajaran bahasa Arab.

Untuk mengkaji dengan lebih lanjut pandangan pelajar bukan Arab terhadap penggunaan novel untuk pembelajaran bahasa Arab, kajian ini menggunakan kerangka kajian yang dikemukakan oleh Martin dan Laurie (1993). Kerangka ini menggariskan empat aspek utama yang penting dalam menyorot pandangan pelajar terhadap pembelajaran sastera dan budaya dalam konteks pembelajaran bahasa, iaitu motivasi, sumbangan sastera terhadap kemahiran bahasa, persepsi dan perasaan tentang pembelajaran sastera. Berdasarkan kerangka tersebut, kajian ini turut melihat sekiranya terdapat pertembungan antara keempat-empat aspek tersebut. Mengambil kira kepentingan strategi pembelajaran bahasa (Oxford, 1990), kajian ini turut menampilkan strategi-strategi khusus yang digunakan oleh pelajar dalam pembacaan novel sebagai sebahagian daripada kerangka kajian.

### **Metodologi Kajian**

Bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab, kajian ini mengambil pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan temu bual separa berstruktur untuk pengumpulan data. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor yang terlibat (Lebar, 2009). Justeru, kaedah temu bual ini amat relevan untuk mencapai objektif kajian. Inventori temu bual dirangka berdasarkan kerangka Martin dan Laurie (1993) sebelum disemak oleh seorang pakar bidang bahasa Arab untuk tujuan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

Responden dipilih berdasarkan pendekatan persampelan bertujuan. Prosedur persampelan ini dipilih bagi memudahkan pengkaji menetapkan ciri-ciri tertentu pada responden sekali gus mampu meningkatkan kualiti data yang dikehendaki (Ismail & Ali, 2018). Data mencapai tahap tepu pada responden yang kesepuluh. Mereka terdiri

daripada tiga orang pelajar lelaki dan tujuh orang pelajar perempuan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil kursus Teks Prosa Arab. Kewajaran responden dipilih berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan memandangkan kursus berkenaan menggunakan novel sebagai material pengajaran dan pembelajaran. Sesi temu bual bersama responden dilaksanakan secara individu dan dirakamkan. Rakaman temu bual kemudiannya dikodkan dengan RP1 (merujuk responden pelajar 1) dan seterusnya sehingga RP10. Setelah setiap temu bual selesai, data akan terus ditranskripsikan dan dianalisis sebelum temu bual yang seterusnya. Sebelum analisis dilakukan, pengkaji membuat semakan dengan setiap responden bagi mendapatkan pengesahan tentang kandungan transkripsi tersebut.

Dalam menganalisis data temu bual, kajian ini mengaplikasikan kaedah Analisis Tematik oleh Braun dan Clarke (2012). Kaedah ini merupakan satu proses analisis yang teratur dalam mengenal pasti data, seterusnya membantu pengkaji memahami makna atau pengalaman yang tersirat dalam data tersebut berdasarkan persoalan kajian. Proses analisis ini menggabungkan dua pendekatan, iaitu deduktif dan induktif. Data pada permulaannya dianalisis menggunakan pendekatan deduktif berasaskan empat aspek utama dalam kerangka Martin dan Laurie (1993), iaitu motivasi, sumbangan sastera terhadap kemahiran bahasa, persepsi dan perasaan tentang pembelajaran sastera. Seterusnya, pendekatan induktif memandu pengkaji dalam mengenal pasti kod dan tema berdasarkan persoalan kajian dengan lebih rinci. Proses analisis bermula dengan membaca setiap data sebaik sahaja proses transkripsi dan mengenal pasti kod permulaan selesai. Proses ini dilakukan terhadap kesemua data daripada sepuluh responden sebelum semua kod dikumpulkan dan diklasifikasikan. Nama tema yang sesuai kemudiannya dilabelkan. Kesemua tema ini terlebih dahulu disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang bahasa Arab.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Berdasarkan objektif kajian, data yang diperoleh menunjukkan dua tema yang utama, iaitu persepsi positif dan negatif. Persepsi positif merangkumi keupayaan novel sebagai alat untuk penambahan kosa kata dan gaya bahasa Arab, serta pengukuhan terhadap kemahiran menulis. Persepsi negatif pula dikesan untuk aspek motivasi, minat dan pendedahan terhadap penggunaan novel untuk pembelajaran bahasa. Sungguhpun demikian, data menunjukkan keupayaan responden dalam mempelbagaikan strategi semasa membaca novel secara sendiri atau interaksi sosial.

#### ***Persepsi Positif Pelajar Terhadap Penggunaan Novel***

##### ***penguasaan kosa kata dan gaya bahasa.***

Melalui pembacaan terhadap novel, pelajar terdedah dengan *uslub* atau gaya bahasa dan pendedahan ini boleh dipraktikkan dalam membina ayat. Selain itu, pelajar juga mendedahkan bahawa mereka turut mengetahui kosa kata baharu dan hal sedemikian telah menambah penguasaan kosa kata yang dimiliki sebelum itu:



... pertamanya novel ini menggunakan bahasa-bahasa dan kaedah penulisan yang cantik. Kadang-kadang kita boleh tengok sendiri penulisnya. Penulis-penulis novel ini biasanya di kalangan mereka yang hebat-hebat. (RP4)

Selain itu juga, memang *vocab* ... kalimah-kalimah baru sebab menulis ni, masalahnya kita sebenarnya, tak jumpa *vocab-vocab* yang kita nak menulis, jadi kalau baca novel ni, sambil baca sambil faham, sambil rujuk kamus ... banyak la *vocab-vocab* yang kita jumpa dan memang boleh *apply* sangat dalam menulis. (RP7)

Dalam novel tu memang banyak sangat *vocab-vocab* baru yang memang guna dalam menulis. (RP2)

Penggunaan novel Arab jelas menunjukkan peranannya sebagai kaedah menambah kosa kata Arab. Novel yang sarat dengan kosa kata Arab dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk gaya bahasa sewajarnya dimanfaatkan sepenuhnya untuk penguasaan kosa kata. Berdasarkan silibus Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah kosa kata yang mesti dikuasai oleh pelajar sekolah menengah dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ialah sekitar 3,000 perkataan, sementara untuk mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi ialah sekitar 2,000 perkataan (Baharudin & Ismail, 2014). Berdasarkan data tersebut, sudah tentu jumlah penguasaan kosa kata yang mesti dikuasai oleh pelajar peringkat universiti yang mengambil jurusan Bahasa Arab adalah lebih tinggi, iaitu sekitar 5,000 perkataan atau lebih. Kelemahan dalam menguasai kosa kata bahasa Arab dengan lebih banyak secara tidak langsung akan membataskan potensi dan keyakinan pelajar bagi mendalami serta mempraktikkan bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, penggunaan novel Arab dalam pembelajaran disifatkan sebagai antara strategi yang tuntas dalam mengatasi masalah ini memandangkan kelebihan novel yang mengandungi kosa kata yang banyak. Justeru, aplikasi ilmu berkenaan dengan bersumberkan contoh daripada novel Arab disifatkan sebagai suatu transformasi dalam pembelajaran bahasa Arab. PdP bahasa Arab akan menjadi lebih segar kerana contoh yang digunakan dalam kursus yang dinyatakan tidak lagi berbentuk klasik sepertimana lazimnya. Pada masa yang sama, pelajar juga akan menerima pendedahan secara am tentang novel-novel Arab apabila novel digunakan secara aktif dalam pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung akan menghakis sentimen pelajar yang melihat sastera Arab itu hanya berlegar pada puisi semata-mata.

***pengukuhan kemahiran bahasa.***

Bertitik tolak daripada pandangan pelajar yang positif terhadap keupayaan novel sebagai medium untuk penambahan kosa kata dan penguasaan gaya bahasa Arab, mereka bersetuju bahawa kedua-dua aspek ini membantu pengukuhan kemahiran menulis, membaca dan bertutur:

... boleh improve kita punya kemahiran menulis... kita juga boleh improve kemahiran membaca pada masa yang sama kan. (RP1)

Kita boleh belajar macam mana nak menulis. Contohnya macam mana nak menggambarkan sesuatu situasi ... macam mana nak memulakan penceritaan. Jadi, bagi saya novel adalah salah satu cara untuk meningkatkan kemahiran dalam menulis bahasa arab. (RP4)

Dia memang sangat membantu ... bukan sahaja untuk bertutur malah juga menulis. (RP2)

Namun, ada dalam kalangan pelajar yang merasakan bahawa penguasaan kemahiran menulis berasaskan novel tidak merangkum penulisan akademik yang bersifat ilmiah, tetapi terhad pada penulisan sastera yang lebih puitis untuk dikongsikan melalui media sosial:

... tapi penulisan yang bukan berpusatkan akademik, penulisan yang pasal sastera, yang boleh tulis di media sosial. (RP2)

Persepsi pelajar yang positif terhadap peranan novel Arab sebagai kaedah untuk penguasaan komponen linguistik dan kemahiran bahasa menyokong beberapa kajian terdahulu (al-Dajani, 2019; Tsang et al., 2020). Walaupun pada asalnya, sastera hanya merupakan wacana untuk meneroka budaya sesuatu bangsa, ketelitian para sasterawan memilih kosa kata dan gaya bahasa yang bersesuaian dengan konteks, akhirnya mampu menjadi alat untuk meningkatkan penguasaan bahasa dengan lebih berkesan, terutamanya untuk mengukuhkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar.

### ***Persepsi Negatif Pelajar Terhadap Penggunaan Novel***

#### ***kekurangan motivasi.***

Persepsi awal mereka yang negatif ini merangkum pengalaman sendiri yang merasai kesusahan dan tekanan dalam memahami teks novel Arab. Realiti berkenaan dapat diteliti pada dapatan temu bual beberapa orang responden:

Kalau subjek sastera macam *syair*, sejujurnya saya agak lemah, sebab saya lebih suka teks yang *direct*, jadi saya tak suka sangat teks yang berbelit dan berbunga-bunga, jadi bila dapat teks macam *tu*, bila saya *tak* faham, saya *start* kurang minat, *pastu* jadi malas pulak *nak* teruskan. (RP1)

Kalau rasa nak baca betul-betul dan nak tahu sangat apa yang nak disampaikan dalam novel tu, memang rasa stress jugalah sebab kita tak fahamkan. (RP3)

Kadang-kadang bila saya baca novel, semestinya ada bahagian yang susah nak faham dan kadang-kadang hampir putus asa untuk meneruskan pembacaan novel. (RP4)

Sebenarnya antara *syair* dengan novel mestilah novel tu lagi tinggi putus asanya sebab baca pun tidak. (RP9)

Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji melihat ketidakupayaan memahami teks novel ini mempengaruhi sikap, minat dan persepsi pelajar terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Laras bahasa tinggi yang digunakan dalam novel merupakan faktor utama mengapa pelajar tidak menggemari novel sebagai bahan bacaan untuk menguasai bahasa Arab. Sikap sebegini sememangnya merugikan potensi pelajar apabila menolak novel Arab sebagai teks bacaan untuk melengkapkan diri dengan penguasaan bahasa Arab yang baik. Realiti ini turut ditegaskan oleh Mohamad dan Sulong (2016) yang menyatakan sikap pelajar yang kurang membaca bahan berbahasa Arab, termasuk novel, tidak selari dengan minat mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Kewujudan sikap ini dalam diri pelajar secara tidak langsung menjadi kekangan kepada mereka untuk mempraktikkan bahasa Arab dalam kehidupan.

***ketiadaan minat.***

Faktor sendiri turut memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi pelajar terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Persepsi negatif kelihatan berterusan apabila wujud sebilangan responden yang tidak menunjukkan minat terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Ketiadaan minat dalam diri pelajar untuk membaca novel Arab boleh menghalang pelajar daripada menguasai bahasa Arab dengan baik. Hal sedemikian boleh dilihat pada dapatan yang diperoleh melalui temu bual dengan responden:

Sebab daripada awal dah kurang minat tu, jadi susahlah kita nak membaca pun. Nak baca dah rasa malas dan bila baca tu pula tak faham, dua masalah kat situ. (RP1)

Novel Melayu pun saya tidak baca. *Last* baca novel selepas PMR. Itu pun novel jiwang-jiwang pastu dah tamat. (RP3)

Novel Melayu pun liat nak baca, novel Arab ni apatah lagi. Macam yang saya cakap saya lebih sukakan muzik, saya lebih sukakan benda yang warna-warni daripada tulisan. (RP5)

Aku tak boleh novel, macam aku cakap tadi, aku akan baca yang sikit, tak boleh baca banyak-banyak. Tak tahan, cepat bosan. (RP8)

Sikap pelajar yang tidak gemar membaca novel merupakan antara kekangan utama kepada mereka untuk menggunakan novel sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa. Sikap ini boleh disimpulkan sebagai suatu bentuk kekurangan motivasi dalam diri pelajar untuk membaca novel berbahasa Arab. Sepertimana yang disarankan oleh Babae dan Yahya (2014), motivasi merupakan antara perkara yang perlu diberikan pertimbangan serius apabila menggunakan novel dalam pembelajaran bahasa. Pemilihan novel yang sesuai, merangkum persembahan, karakter, idea, penceritaan dan laras bahasa, merupakan inti pati utama yang mampu menarik minat pelajar untuk menelaah novel walaupun tidak dinafikan pembacaan novel ini adakalanya mengundang kebosanan.

Tambahan pula, dapatan kajian tersebut turut selari dengan beberapa kajian lepas, misalnya kajian Mustapha et al. (2010) yang melihat tabiat membaca bahan berbahasa Arab dalam kalangan 170 orang responden. Dapatan dalam kajian berkenaan menunjukkan 55.3% daripada jumlah keseluruhan responden berkenaan tidak pernah membaca novel. Dapatan tersebut kemungkinan didorong oleh sikap kebanyakan pelajar bukan Arab yang tidak gemar membaca novel. Malah, dapatan tentang sikap pelajar ini diperkukuh oleh dapatan daripada temu bual responden lain yang mengambil sikap selektif dalam memilih novel Arab sebagai bahan bacaan. Sikap selektif ini didorong oleh dua faktor utama, iaitu laras bahasa novel dan tahap kefahaman pelajar terhadap novel. Hal sedemikian dapat dilihat dalam respons temu bual berikut:

Kalau saya rasa macam terlalu tinggi sangat bahasa dia, saya takkan baca. (RP9)

***kekurangan pendedahan tentang novel Arab.***

Kekurangan pendedahan tentang novel sebagai material kesusasteraan Arab turut mendorong persepsi negatif pelajar terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal sedemikian dapat dilihat dalam dapatan yang diperolehi melalui temu bual:

kita pun zaman universiti ni tak terdedah dengan novel-novel Arab. Kita cuma didedahkan dengan *syair*. Belajar *Abbasid syair*, belajar *Jahili* pun *syair*. (RP9)

saya tak banyak tahu pasal novel-novel Arab ni, kat sekolah pun takda belajar novel Arab. Kita cuma tau *syair syair syair* je. (RP7)

Kekurangan pendedahan terhadap novel Arab mungkin disebabkan oleh kekeliruan antara sastera dengan novel. Sastera Arab sering dianggap hanya tertumpu pada puisi atau *shi'r* semata-mata walhal sastera secara umumnya terbahagi kepada dua jenis kategori, iaitu puisi dan prosa. Walaupun setiap responden sering diingatkan dalam temu bual tentang kewujudan novel sebagai bahan kesusasteraan Arab, rata-rata jawapan responden pasti menyentuh puisi:

Sebelum ni saya ingatkan dalam Arab ni ada *syair je*, tak *tau* pula ada macam jenis novel *ni*. (RP1)

Persepsi responden yang menganggap puisi sahaja sebagai “produk” sastera tanpa menyedari kewujudan prosa atau *nathr* menyebabkan kefahaman pelajar terhadap isu kesusasteraan Arab secara amnya tidak mencapah. Persepsi sebegini akhirnya menyebabkan pelajar tidak mengetahui bahawa prosa, seperti novel, cerpen, khutbah, drama dan risalah, adalah sebahagian daripada kesusasteraan Arab sekali gus material ini diabaikan oleh pelajar dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

### ***Strategi Membaca Novel dalam Pembelajaran Bahasa Arab***

Temu bual dilanjutkan dengan menyentuh strategi yang diamalkan oleh pelajar ketika membaca novel sebagai bahan pembelajaran bahasa Arab bagi keperluan kursus Teks Prosa Arab. Data dapat dibahagikan kepada dua tema sama ada strategi sendiri dan interaksi sosial.

#### ***penggunaan kamus Arab.***

Antara strategi yang digunakan ketika menelaah novel Arab ialah memanfaatkan kamus, sama ada berbentuk fizikal mahupun dalam talian. Kamus sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Arab dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap responden ketika mereka diberi tugas menelaah novel Arab. Malah, kamus juga disifatkan sebagai talian hayat kepada para pelajar dalam memahami teks dan kalimah yang terkandung dalam novel. Hal tersebut dilakukan bagi memastikan penceritaan novel tersebut dapat difahami dengan lebih tepat.

Biasanya *kak* tengok dekat *phone*, ada kamus juga kan, *google translate at least* sampai maksud. *Kak* memang guna kamus, jarang tanya orang. (RP2)

Saya cuba faham keseluruhan, kalau saya jumpa perkataan-perkataan yang saya tidak faham, jadi saya akan rujuk kamus dan cuba sesuaikan dengan konteks ayat. (RP4)

Yang paling banyak membantu, kamus *maani* sinonim antonim tu, banyak boleh dapat. (RP8)

Bila saya tengok kamus, benda pertama yang saya cari ialah makna kalimah yang saya tak faham. Kadang-kadang satu perkataan tu, makna kalimah dia banyak. So saya kena tengok juga makna kalimah yang pertama....selari dengan yang mana satu. Kan ada banyak. Jadi, kita kena pilih mana yang lebih *munasibah* dengan kita punya ayat kalimah tu. Yang kedua, saya saya akan cari baris perkataan tu. ....Yang ketiga, saya akan cari *muradif* dia kalau saya tak faham. Itu kalau kalimah yang dia gunakan tu macam senang. (RP9).

Penggunaan kamus dalam kalangan pelajar bukan suatu perkara yang menghairankan. Malah, kamus telah menjadi suatu perkara yang mesti dimiliki oleh pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab. Keperluan kamus dalam pembelajaran menggunakan novel Arab disifatkan mustahak memandangkan tugas menelaah novel benar-benar menuntut kegigihan pelajar dalam memahami teks novel berkenaan. Justeru, penggunaan kamus merupakan suatu penyelesaian mudah bagi pelajar untuk mengatasi halangan dalam memahami teks dan penceritaan novel Arab. Dapatan ini juga dilihat selari dengan kajian lepas yang telah dilakukan Jamali et al. (2015). Kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap penggunaan kamus sebagai bahan bantu mengajar dalam PdP Bahasa Arab di tiga buah institusi pengajian tinggi menunjukkan kadar peratusan yang sangat tinggi. Kelebihan dan potensi kamus dalam membantu pelajar memahami teks-teks berbahasa Arab, termasuk novel, menjadikan kamus sebagai pilihan utama pelajar apabila mereka diberi tugas menelaah novel Arab. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji berpandangan bahawa fungsi kamus tidak boleh diketepikan dalam pembelajaran bahasa Arab melalui novel. Malah, penggunaan kamus juga seharusnya diperkasakan sebagai strategi utama agar pembelajaran bahasa Arab menggunakan novel tidak menimbulkan kebosanan dan kepayahan dalam kalangan pelajar.

#### ***penggunaan novel dwibahasa.***

Selain penggunaan kamus, ada dalam kalangan responden yang turut membaca novel dwibahasa (Inggeris-Arab) sebagai langkah untuk memupuk minat dan kefahaman awal terhadap bacaan novel. Strategi membaca novel dwibahasa ini secara tidak langsung telah membina kebolehan menterjemah dan memahami terjemahan teks. Usaha para pelajar sendiri dalam mendapatkan novel dwibahasa yang sesuai untuk dibaca mengikut tahap kemampuan masing-masing wajar dipuji dan dihargai. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran pelajar tentang manfaat novel bahkan turut menunjukkan keazaman pelajar untuk menguasai bahasa Arab melalui pelbagai pendekatan, antaranya dengan menelaah novel. Pelajar yang terlibat dalam usaha ini yakin bahawa strategi ini merupakan strategi permulaan dalam mendalami dunia novel sebelum mereka mula membaca novel-novel Arab dengan lebih serius, khususnya yang ditulis oleh sasterawan Arab sendiri. Hal seperti ini dapat diteliti dalam beberapa respons dalam temu bual:

Akak ada beli macam novel-novel bahasa Inggeris yang telah diterjemah dalam bahasa Arab, jadi kat dalam novel tu ada 2 muka surat, sebelah bahasa Arab sebelah bahasa Inggeris, jadi kalau tak faham bahasa Arab tu tengoklah yang bahasa Inggeris sebab kita kan lebih faham bahasa Inggeris..tapi kalau tak faham bahasa Inggeris baru tengok bahasa Melayu ape dia, jadi memang akak menggunakan konsep terjemah lah ketika baca novel. (RP2)

Sebab tu saya suka *riwayat thunaiyyah* sebab terjemahan dia tak boleh lari ... sebab dia muka surat sebelah bahasa Arab, muka surat sebelah bahasa Inggeris. (RP6)

Berdasarkan respons di atas, pelajar menyatakan bahawa novel yang dibaca mempunyai terjemahan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab pada halaman sebelah-menyebelah. Selain itu, tajuk pilihan novel dwibahasa ini termasuklah *Romeo and Juliet* dan *Three Musketeers*. Responden ini mengakui amalan membaca novel dwibahasa berfungsi sebagai alat dan pendedahan awal untuk membiasakan diri dengan novel:

Pada pendapat saya *riwayat thunaiyyah* ni merupakan satu alat. Jadi bila saya baca, ada beberapa uslub atau perkataan yang *lecturer* guna dalam kelas, jadi saya tahu. Macam *riwayah thunaiyyah* ni tajuk-tajuk dia dalam bahasa Inggeris, *Three Musketeers*, *Romeo Juliet*. Saya sangat-sangat syorkan pelajar bahasa Arab beli *riwayat thunaiyyah*, sangat membantu. (RP6)

Langkah ini dilihat sebagai satu strategi terbaik untuk meningkatkan kefahaman dan minat terhadap novel. Sekiranya amalan tersebut menjadi kelaziman, pelajar akan lebih terdedah kepada novel Arab dan berminat untuk memilih novel yang ditulis oleh sasterawan Arab sendiri, seperti Najib Mahfouz, 'Abd al-Rahman Munif, Najib al-Kaylani, dan Yusuf Idris.

#### ***merujuk guru.***

Suatu yang tidak menghairankan apabila majoriti responden menggunakan strategi merujuk guru atau pensyarah apabila mereka menghadapi kekangan ketika menelaah novel Arab:

Dan seorang pelajar itu mesti bergantung kepada guru juga sebenarnya. Macam saya.. sebab kalau tiada guru, kita mungkin salah faham. Saya pun susun strategi sendiri, saya mesti ada guru. Contohnya, kadang-kadang perkataan itu kita tak jumpa dekat mana-mana, tapi kita dapat dari guru kita semasa kita belajar. (RP4)

Saya akan buat strategi sendiri dan saya juga banyak bergantung pada *lecturer* sebab adab ni ilmu baru. Kalau macam ilmu nahu, kita dah pernah belajar dulu masa sekolah kan ... dah ada *basic*. Tapi kalau *adab* ni memang semuanya baru. Jadi, tak boleh kalau tak rujuk ustazah. (RP7)

Dalam masa yang sama, inisiatif daripada pelajar sendiri akan berterusan sekiranya wujud pendekatan kreatif yang digunakan semasa menelaah novel dan bimbingan daripada guru yang turut memiliki kreativiti. Menurut Jasni et al. (2020), penggunaan pelbagai pendekatan yang berkesan dan peranan guru yang kreatif sebagai pengajar dan pembimbing dapat merangsang minat dan motivasi pelajar dalam PdP Bahasa Arab. Hal sama turut ditegaskan oleh Mustapha dan Arifin (2015) apabila

membicarakan peranan guru yang berkualiti yang disifatkan penting dan dominan dalam mempengaruhi prestasi pelajar. Menurut mereka, keempat-empat dimensi dalam menentukan kualiti guru, iaitu kelayakan, karakter, amalan dalam kelas dan keberkesanan pengajaran, merupakan perkara utama bagi melihat pengaruh guru dalam merangsang minat dan pencapaian pelajar.

***merujuk penutur jati.***

Strategi merujuk orang lain tidak terbatas kepada guru semata-mata. Terdapat sebilangan responden turut mengambil inisiatif dengan membuat rujukan dan bertemu dengan pelajar berbangsa Arab. Usaha merujuk pelajar berbangsa Arab dalam memahami novel Arab juga disifatkan sebagai strategi terbaik memandangkan bahasa Arab merupakan bahasa ibunda kepada pelajar berbangsa Arab. Seiringan dengan itu, responden menyatakan penjelasan yang diberikan oleh pelajar berbangsa Arab terhadap maksud teks novel mampu memberikan kefahaman tentang penceritaan sesuatu novel.

Kalau saya tidak faham, saya akan tanya kepada orang yang lebih tahu. Contohnya rakan saya ke, guru-guru saya ke ataupun kalau ada peluang saya tanya orang arab sendiri. (RP4)

Kalau saya tak faham ... saya akan cari orang Arab la. Kalau memang dah tahap yang susah sangat dan tak faham, dan macam saya cakap tadilah, saya masih lemah *nahu*, saya masih lemah *saraf*. Jadi saya memang perlukan bimbingan. (RP6)

Dengan menggunakan pelbagai strategi di atas ketika menelaah novel Arab, setiap responden bersetuju bahawa terdapat kesan yang positif dalam pembelajaran bahasa Arab.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati pelajar memberikan respons positif terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. Penguasaan kosa kata dan gaya bahasa serta pengukuhan kemahiran bahasa merupakan elemen yang diraih ketika pelajar menggunakan novel. Walaupun begitu, rata-rata responden bersetuju bahawa penggunaan novel Arab dalam pembelajaran bahasa masih tidak meluas dan serius. Kekurangan motivasi, ketiadaan minat dan tiada pendedahan tentang novel Arab menyebabkan material kesusasteraan tidak dijadikan bahan utama dalam pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi kepada pendekatan guru ketika mengajar. Guru yang berkualiti akan menggunakan pendekatan kreatif dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kreativiti guru adalah amat penting bagi memastikan pembelajaran menggunakan novel Arab tidak membosankan pelajar.



Pelajar sendiri wajar berusaha untuk memupuk minat, menetapkan minda positif dan membina motivasi agar pembelajaran menggunakan novel menjadi perkara yang menyeronokkan. Peranan guru dan pelajar ini perlu berjalan seiring bagi memastikan penggunaan novel Arab mencapai matlamatnya. Justeru, langkah mengintegrasikan kesusasteraan dengan PdP bahasa Arab sewajarnya dititikberatkan, bahkan novel bahasa Arab turut boleh dimanfaatkan untuk mencungkil kemahiran menterjemah dalam kalangan pelajar. Lanjutan daripada kajian ini yang menfokuskan terhadap pelajar di UIAM, kajian lain boleh dilakukan dengan penumpuan terhadap pelajar bukan Arab di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia bagi mengetahui keberkesanan penggunaan novel terhadap penguasaan bahasa Arab secara lebih meluas. Selain itu, kajian juga boleh dilakukan terhadap guru dan pelajar untuk mengetahui pendekatan guru dalam menggunakan novel Arab dalam pembelajaran bahasa. Diharapkan kajian sebegini dapat menyumbang pengetahuan baharu dalam kajian penguasaan bahasa Arab, sekali gus mengisi kelompangan kajian lepas dalam memberikan penyelesaian tambahan kepada isu kelemahan penguasaan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati.

### Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melalui skim geran penyelidikan: IRF19-025-0025.

### Rujukan

- al-Dajani, B. A. S. (2019). The function of Arabic literature in Arabic language teaching: A gateway to cultural literacy. *Dirasat: Human and Social Sciences*, 46(1), 281-293.
- al-Omari, F. M. A. (2018). Al-Riwayah madah ta'limiyyah li al-natiqin bi ghayr al-'arabiyyah: Namuzaj tatbiqiyyah. *Al-Tajdid*, 22(43), 137-159.
- Asbulah, L. H., Lubis, M. A., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2020). The level of students' engagement in Arabic within public universities. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 1-16. <https://doi.org/10.21315/apjee2020.35.1.1>
- Babae, R., & Yahya, W. R. W. (2014). Significance of literature in foreign language teaching. *International Education Studies*, 7(4), 80-85.
- Baharudin, H. (2017). Strategi dan teknik terjemahan novel Arab dalam kalangan pelajar universiti. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 225-243.
- Baharudin, H., & Ismail, Z. (2014). Vocabulary learning strategies and Arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13), 219-226.
- Bloemert, J., Paran, A., Jansen, E., & Grift, W. V. D. (2017). Student's perspective on the benefits of EFL literature education. *The Language Learning Journal*, 47(3), 371-384. <https://doi.org/10.1080/09571736.2017.1298149>

- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2. Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (pp. 57-71). American Psychological Association.
- Edmondson, W. (1997). The role of literature in foreign language learning and teaching: Some valid assumptions and invalid arguments. *Applied linguistics across disciplines: AILA Review*, 12, 42-55.
- Ghani, M. T. A., Daud, W. A. A. W., & Ramli, S. (2019). Arabic for specific purposes in Malaysia: A literature review. *Issues in Language Studies*, 8(1), 1-14.  
<https://doi.org/10.33736/ils.1293.2019>
- Ismail, A. M., & Ali, M. N. S. (2018). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamali, H. N., Rahman, A. A., & Azizan, K. F. K. (2015). Tahap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(1), 1-14.
- Jasni, S. R., Zailani, S., & Zainal, H. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 10-21.
- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Loop, J. (2017). Arabic poetry as teaching material in early modern grammars and textbooks. In J. Loop, A. Hamilton, & C. Burnett (Eds.), *The teaching and learning of Arabic in early modern Europe* (pp. 230-251). E. J. Brill.  
[https://doi.org/10.1163/9789004338623\\_011](https://doi.org/10.1163/9789004338623_011)
- Martin, A. L., & Laurie, I. (1993). Student views about the contribution of literary and cultural content to language learning at intermediate level. *Foreign Language Annals*, 26(2), 188-207.
- Mohamad, A. H., & Sulong, W. M. W. (2016). Minat dan sikap pelajar bachelar bahasa Arab di IPTA Malaysia terhadap bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1(1), 21-37.
- Mustapha, A., & Arifin, Z. (2015). Penentuan dimensi kualiti guru Bahasa Arab di Malaysia. *Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies*, 37(1), 49-57.
- Mustapha, N. F., Mustapha, N. H., & Chik, A. R. (2010). Tabiat membaca dalam bahasa Arab. In A. Pandian, M. Harun@Zakaria, T. H. The, S. N. Jupri, & N. Ali (Eds.), *Pascadimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa: Trend dan amalan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nasir, M. S., Zainuddin, N., & Sharir, M. S. (2017). Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Islamiyyat*, 39(1), 29-37.
- Noh, A. S., Yusoff, N. M. R. N., Abu-Bakar, K., & Mahmud, W. H. W. (2015). Ciri-ciri linguistik dalam kebolehbacaan teks berbahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 7(1), 23-33.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Newsbury House.

- Paran, A. (2008). The role of literature in instructed foreign language learning and teaching: An evidence-based survey. *Language Teaching*, 41(4), 465-496.
- Radzi, N. A. A., Mustapha, N. F., & Tok Lubok, P. (2017). Pemilihan bahan bacaan Arab dalam kalangan pelajar universiti awam. *Jurnal Kesidang*, 2, 144-153.
- Samah, R., Puteh-Behak, F., Saad, N. S. M., Ali, S. M., Darmi, R., & Harun, H. (2016). Effective methods in learning Arabic language as a foreign language. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349-355.
- Shanahan, D. (1997). Articulating the relationship between language, literature and culture: Toward a new agenda for foreign language teaching and research. *The Modern Language Journal*, 81(2), 164-174.
- Sahrir, M. S. (2015, September 23). Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/09/83907/bahasa-arab-tembusi-pengajian-formal-di-sekolah-universiti>
- Teh, K. S. M., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Mahamod, Z. (2009). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.
- Tsang, A., Paran, A. & Lau, W. W. (2020). The language and non-language benefits of literature in foreign language education: An exploratory study of learners' views. *Language Teaching Research*, 24(6), 211-229. <https://doi.org/10.1177/1362168820972345>
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.
- Zakaria, G. A. N., Mahalle, S., & Nawati, A. (2015). Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32-40.